

Ekonomi Malaysia pada tahun 1994 dan Prospek bagi tahun 1995

Ekonomi Malaysia pada tahun 1994

Ekonomi Malaysia terus berkembang pada tahun 1994 dengan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dianggarkan meningkat sebanyak 8.5% (1993: 8.3%). Pertumbuhan yang terus mampan telah didorong oleh kekukuhan permintaan luar negeri, berikutan pemulihan ekonomi yang semakin bertambah baik di kebanyakan negara perindustrian serta permintaan dalam negeri yang lebih tinggi. Dari segi penawaran, aktiviti-aktiviti sektor-sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan dijangka mengekalkan pertumbuhan yang pesat ini. Selaras dengan tahap aktiviti ekonomi yang lebih tinggi, keluaran negara kasar (KNK) pada harga semasa dijangka terus berkembang sebanyak 11.5% (10.7% pada tahun 1993). Dengan jumlah penduduk yang dijangka meningkat sebanyak 2.3% pada tahun 1994, pendapatan per kapita KNK diramalkan meningkat sebanyak 9% dari RM8,126 pada tahun 1993 kepada RM8,856, iaitu bersamaan dengan US\$3,406 (RM2.60 bagi setiap US\$1).

Kedudukan keseluruhan imbalan pembayaran dijangka terus mencatatkan lebihan pada tahun 1994, disebabkan oleh aliran masuk modal jangka panjang yang terus kukuh. Walau bagaimanapun, imbalan dagangan dijangka mencatatkan lebihan yang lebih kecil memandangkan pertumbuhan import mengatasi pertumbuhan eksport. Akaun semasa imbalan pembayaran dijangka mencatatkan defisit yang lebih besar, iaitu sebanyak RM11.7 bilion (6.8% daripada KNK) berbanding dengan defisit yang lebih kecil, iaitu sebanyak RM6.3 bilion (4.1% daripada KNK) pada tahun 1993. Ini disebabkan defisit dalam akaun perkhidmatan yang dijangka bertambah besar, ekoran aliran keluar bersih yang lebih tinggi bagi pendapatan pelaburan, tambang dan insurans serta bayaran kontrak dan profesional.

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat dan keketatan pasaran buruh, kadar pengangguran diramal semakin menurun, iaitu kepada 2.9%. Indeks Harga Pengguna (IHP) dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi sedikit, iaitu sebanyak 3.8% pada tahun 1994 ekoran tekanan permintaan berbanding dengan kenaikan 3.6% yang dicatatkan pada tahun 1993.

Prestasi Mengikut Sektor

Sektor perkilangan dijangka terus menerajui pertumbuhan sektor-sektor lain pada tahun 1994 dengan menyumbang 48.5% daripada pertumbuhan KDNK. Nilai ditambah dalam sektor perkilangan dianggarkan meningkat sebanyak 13.6% berbanding dengan 12.9% pada tahun 1993, dan dengan ini menambahkan sumbangannya kepada KDNK dari 30.1% kepada 31.5%. Kekukuhan pertumbuhan ini adalah disebabkan pengembangan pesat dalam kedua-dua industri yang berorientasikan pasaran dalam negeri (dianggarkan meningkat sebanyak 10.6% pada tahun 1994 berbanding dengan 9.8% pada tahun 1993) dan industri yang berorientasikan pasaran eksport (dianggarkan meningkat sebanyak 17.5% berbanding dengan 15.8% pada tahun 1993). Kekukuhan pertumbuhan industri yang berorientasikan pasaran dalam negeri dijangka didorong oleh kepesatan pertumbuhan keluaran logam yang direka, kimia dan keluaran kimia dan galian bukan logam. Pengembangan industri yang berorientasikan pasaran dalam negeri terutamanya mencerminkan pertumbuhan permintaan tempatan yang ketara disebabkan oleh pengembangan aktiviti pembinaan dan perindustrian. Mengenai industri yang berorientasikan eksport, pengembangan yang pesat adalah disebabkan pertumbuhan yang ketara dalam industri-industri elektrik dan elektronik, jentera bukan elektrik, tekstil serta keluaran kayu dan getah. Ini didorong oleh permintaan luar negeri

yang lebih kukuh berikutan pemulihan ekonomi yang dialami oleh beberapa negara perindustrian utama serta pertambahan pasaran eksport ke negara-negara bukan tradisional.

Prestasi keseluruhan **sektor pertanian** dijangka perlahan dengan jangkaan pertumbuhan yang lebih rendah, iaitu sebanyak 0.5% berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 3.9% pada tahun 1993. Pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka berkurangan sebanyak 3% disebabkan oleh kesan pusingan musim melawas selepas penghasilan yang tinggi dicapai pada tahun 1993. Keluaran kayu balak juga dijangka menunjukkan arah aliran yang sama (-5.1%) disebabkan pelaksanaan peraturan-peraturan yang lebih ketat bagi kuota pengeluaran oleh kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan. Walaupun harga getah meningkat dengan ketara, pengeluarannya dijangka terus merosot kerana industri ini terus terjejas oleh kekurangan tenaga buruh dan pengurangan keluasan kawasan. Selaras dengan pertumbuhan nominal sektor pertanian, sumbangannya kepada keseluruhan KDNK dijangka terus merosot kepada 14.8% pada tahun 1994 daripada 15.9% pada tahun 1993.

Sektor perlombongan dijangka pulih semula dengan mencatatkan kenaikan dari segi nilai ditambah, iaitu sebanyak 1.8% pada tahun 1994 berbanding dengan kemerosotan sebanyak 0.5% pada tahun 1993. Ini terutamanya disebabkan jangkaan peningkatan pengeluaran minyak mentah sebanyak 0.9% kepada 653,400 tong sehari dan kenaikan pengeluaran gas asli sebanyak 15%. Sebaliknya, pengeluaran timah dijangka terus merosot sebanyak 37.5% pada tahun 1994 kepada 6,500 tan berikutan harga timah di pasaran dunia yang terus lemah. Sungguhpun sektor ini secara keseluruhannya dijangka berkembang, sumbangannya kepada keseluruhan KDNK diramal merosot daripada 8% pada tahun 1993 kepada 7.5% pada tahun 1994.


Sektor pembinaan diramal mengekalkan pertumbuhan yang pesat iaitu sebanyak 13% pada tahun 1994 (1993: 11.2%). Pertumbuhan ini adalah didorong oleh pelaksanaan beberapa projek utama kejuruteraan awam dan infrastruktur yang sedang dalam pelaksanaan dan baru serta permulaan pembinaan yang kukuh di sektor kecil perumahan, perdagangan dan perindustrian. Walau bagaimanapun, sumbangan sektor pembinaan kepada keseluruhan KDNK dijangka hanya meningkat sedikit sahaja, iaitu sebanyak 4.2% (1993: 4%).

Pengembangan **sektor perkhidmatan** dijangka terus mampan sebanyak 9%, selaras dengan kekukuhan aktiviti ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, akibat terutamanya pertumbuhan perkhidmatan kerajaan yang lebih perlahan, pertumbuhan sektor perkhidmatan pada keseluruhannya dijangka lebih rendah daripada kadar yang dicapai pada tahun 1993 sebanyak 10%. Walau bagaimanapun, sumbangannya kepada pertumbuhan KDNK tetap tinggi, iaitu sebanyak 47.4% pada tahun 1994. Pertumbuhan yang lebih tinggi ini berpunca daripada sektor-sektor kecil pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan serta elektrik, gas dan air, disebabkan terutamanya pengembangan kapasiti pengeluaran sektor perkhidmatan ini selaras dengan pertumbuhan permintaan yang tinggi. Kenaikan pendapatan dan pelancaran Kempen Tahun Melawat Malaysia juga dijangka membantu meningkatkan lagi pengembangan keluaran sektor kecil perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran. Sebaliknya, pertumbuhan bagi sektor kecil kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan serta perkhidmatan kerajaan dijangka rendah sedikit pada tahun 1994. Sumbangan sektor perkhidmatan kepada keseluruhan KDNK dijangka meningkat sedikit, iaitu kepada 44.6% daripada 44.4% pada tahun 1993.

Perbelanjaan Dalam Negeri

Kecepatan pertumbuhan **perbelanjaan dalam negeri** dijangka mampan pada tahun 1994. Dalam harga nominal, permintaan agregat dalam negeri (tidak termasuk perubahan stok) dijangka meningkat sebanyak 13.6% (10.8% pada tahun 1993) hasil pertumbuhan perbelanjaan yang kukuh oleh sektor awam dan swasta. Jumlah permintaan sektor swasta, yang menyumbang kira-kira 74% daripada jumlah permintaan dalam negeri agregat, dijangka berkembang sebanyak 12.2% (1993: 10.5%), ekoran penggunaan swasta dan aktiviti-aktiviti pelaburan yang dijangka meningkat dengan pesat. Begitu juga, permintaan sektor awam dianggarkan berkembang sebanyak 17.8% (1993: 11.7%), berikutan pertumbuhan pelaburan awam yang lebih kukuh, terutamanya oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) serta penggunaan awam yang terus berkembang dengan bertambahnya perbelanjaan bagi penyelenggaraan kemudahan-kemudahan kerajaan.

Carta 1.1 Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Pada akhir Mac, Jun, September dan Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repos).

2/ Malaysia (1990 - tahun asas)

Pelaburan swasta dijangka terus kukuh pada tahun 1994. Berikutan prospek ekonomi yang lebih baik, pengurangan kadar cukai korporat, penurunan kadar faedah dan kenaikan elaun pelaburan semula, pertumbuhan perbelanjaan modal sektor swasta pada harga semasa dianggarkan kekal pada paras 12.8% (1993: 13.9%). Prestasi yang menggalakkan ini terutamanya disebabkan oleh pelaburan dalam negeri yang kukuh dan meningkat sebanyak 21.1% (1993: 21.8%), sebahagiannya disebabkan kenaikan pelaburan yang dilakukan oleh industri kecil dan sederhana (IKS). Prestasi pelbagai petunjuk pelaburan yang menggalakkan seperti import barang-barang modal, jualan dan import bahan-bahan pembinaan serta pemberian pinjaman dan pendahuluan oleh sistem bank dalam tempoh beberapa bulan pertama tahun 1994 mencerminkan pertumbuhan pelaburan swasta yang kukuh. Sungguhpun jumlah pelaburan asing langsung masih di paras yang tinggi, ianya dijangka berkurangan sebanyak 3% (1993: +1.5%) berikutan kesan lat dari kelulusan pelaburan yang lebih rendah bagi sektor perkilangan sejak tahun 1991 hingga tahun 1993. Kelulusan pelaburan yang lebih rendah itu, terutamanya pada tahun 1993, mencerminkan peningkatan persaingan dari negara-negara ekonomi yang baru muncul untuk mendapat dana pelaburan asing. Namun demikian, sentimen di kalangan pelabur asing telah bertambah baik dengan ketara pada tahun 1994 yang telah menyebabkan kenaikan permohonan untuk melabur dalam sektor perkilangan. Berikutan itu, pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan telah meningkat semula sebanyak 238% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994. Pelaburan yang diluluskan ini hanya akan menjadi pelaburan sebenar dalam tahun-tahun berikutnya.

Pelaburan swasta dalam sektor bukan minyak dijangka terus kukuh, meningkat sebanyak 11% pada tahun 1994 (1993: 16%). Sebahagian besar kenaikan pelaburan dalam sektor bukan minyak dijangka terus disumbangkan oleh sektor perkilangan, memandangkan industri-industri dijangka memperbesar dan mempertingkatkan lagi kilang-kilang, jentera-jentera dan peralatan mereka selaras dengan prospek pertumbuhan ekonomi dunia dan ekonomi dalam negeri yang lebih baik serta penambahan pesanan dari luar negeri dan jualan dalam negeri. Minat untuk melabur di sektor perkilangan boleh dikesan dari kenaikan ketara sebanyak 174% dalam pelaburan yang diluluskan

dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1994 (Januari-Julai 1993: -72.4%). Industri-industri yang dijangka mencatat pertambahan kelulusan pelaburan yang ketara termasuk industri-industri elektrik dan elektronik, berasaskan getah dan kayu, kimia, galian bukan logam, logam asas dan dibentuk, serta jentera dan peralatan pengangkutan.

Pelaburan oleh syarikat-syarikat minyak dijangka meningkat dengan kukuh, iaitu sebanyak 22.8% (1993: 3.5%). Daripada jumlah tersebut, kira-kira 92% dijangka akan dibelanja untuk aktiviti hulu, yang berkembang sebanyak 21.7% pada tahun 1994 (1993: 13.3%). Aktiviti-aktiviti ini termasuk mendirikan enam buah pelantar baru, pembinaan satu saluran baru paip gas dan dua buah 'trunk line'. Pelaburan oleh syarikat-syarikat minyak dalam aktiviti hiliran juga dijangka menggalakkan selepas tiga tahun berturut-turut mengalami perbelanjaan pelaburan yang berkurangan. Pertambahan perbelanjaan modal dalam aktiviti-aktiviti hiliran dijangka pulih dengan ketara sebanyak 37.3% (1993: -52.1%), sebahagian besarnya untuk menaikkan taraf kemudahan penapisan serta meningkatkan rangkaian pengagihan yang sedia ada dengan membina dan memperbaiki stesen-stesen servis yang baru dan sedia ada.

Kadar pencapaian **perbelanjaan penggunaan swasta** dijangka mampan pada tahun 1994 dengan kenaikan pendapatan boleh guna swasta. Perbelanjaan penggunaan rumah tangga, dalam harga nominal, dianggarkan meningkat sebanyak 11.9% (1993: 9%). Keadaan guna tenaga yang terus menggalakkan dan kedudukan kecairan sektor swasta adalah antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kenaikan perbelanjaan pengguna.

Pelaburan awam dijangka meningkat sebanyak 24.8% berbanding dengan 11.6% pada tahun 1993, berikutan peningkatan usaha-usaha oleh Kerajaan untuk mengurangkan kekangan infrastruktur dan bekalan serta mempertingkatkan usaha pembangunan sumber manusia untuk membantu pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, kekukuhan pertumbuhan pelaburan awam disebabkan sebahagian besar oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK untuk mengembangkan kapasiti mereka dalam bidang yang berkaitan dengan kemudahan awam, komoditi, perkilangan, pengangkutan dan

perkapalan. Pelaburan oleh PABK dijangka meningkat sebanyak 53%, manakala pelaburan oleh Kerajaan Persekutuan terutamanya untuk pembangunan infrastruktur dan sumber manusia dijangka meningkat sebanyak 4.2%.

Penggunaan awam, yang sebahagian besarnya adalah perbelanjaan ke atas emolumen, pembekalan, perkhidmatan dan pertahanan, dijangka meningkat sebanyak 11.8% dalam harga semasa. Kenaikan ini adalah terutamanya disebabkan perbelanjaan ke atas pembekalan dan perkhidmatan yang dijangka meningkat sebanyak 18.1%. Sebahagian besar perbelanjaan pembekalan dan perkhidmatan adalah untuk penyelenggaraan jalan raya, hospital, sekolah dan lain-lain bangunan kerajaan untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan kerajaan kepada orang awam. Perbelanjaan emolumen dijangka meningkat sebanyak 6%, terutamanya untuk memenuhi keperluan kakitangan yang kritikal di bidang perkhidmatan pendidikan dan kesihatan. Perbelanjaan pertahanan juga dijangka meningkat sebanyak 10% sebahagian besarnya untuk menggantikan kelengkapan dan memodenkan angkatan bersenjata.

Permintaan Luar Negeri

Selaras dengan jangkaan pemulihan ekonomi negara-negara perindustrian, pertumbuhan **eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor** dijangka lebih kukuh pada tahun 1994, meningkat sebanyak 22.4% dalam harga nominal (1993: 15.7%). Prestasi yang menggalakkan ini adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan eksport barangan yang kukuh, iaitu sebanyak 22.2% (1993: 17.3%). Eksport barang-barang perkilangan dianggarkan meningkat dengan ketara sebanyak 28% dan seterusnya menyumbangkan kira-kira 78% daripada jumlah eksport dagangan (1993: 74%). Eksport komoditi pertanian utama dijangka meningkat sebanyak 12.4% (1993: 1.3%), berikutan pemulihan harga komoditi pertanian utama. Walau bagaimanapun, eksport sektor perlombongan terus berkurangan sebanyak 18.9% (1993: -11.7%), mencerminkan berterusannya kemerosotan permintaan dan harga timah, minyak mentah dan gas asli cecair. Selaras dengan usaha-usaha untuk menggalakkan sektor perkhidmatan, eksport perkhidmatan bukan faktor dijangka meningkat sebanyak 24%.

Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor juga dijangka berkembang pesat sebanyak 25.9% (1993: 17.5%), berikutan kenaikan import barangan dan perkhidmatan bukan faktor yang ketara. Import barangan dianggarkan meningkat sebanyak 25.9% pada tahun 1994 (1993: 19.3%) disebabkan pertambahan permintaan untuk barang-barang pelaburan dan perantaraan, berikutan perkembangan pesat aktiviti-aktiviti dalam sektor perkilangan dan pembinaan serta kenaikan perbelanjaan modal di sektor perkhidmatan. Import barang-barang pelaburan dan perantaraan dijangka meningkat semula pada tahun 1994, dengan anggaran pertumbuhan masing-masing sebanyak 26.4% (1993: 13.1%) dan 29.6% (1993: 21.1%). Import barang-barang penggunaan dijangka meningkat sebanyak 14.4%, berikutan pertambahan perbelanjaan penggunaan dalam negeri. Berikutan perkembangan perdagangan luar negeri Malaysia dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang pesat, import perkhidmatan bukan faktor, khususnya pengangkutan dan insurans serta bayaran kontrak dan profesional dijangka berkembang pesat sebanyak 25.9%.

Imbangan Pembayaran

Akaun semasa imbangan pembayaran dijangka mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM11.7 bilion atau 6.8% daripada KNK (1993: RM6.3 bilion), berikutan bertambah besarnya defisit perkhidmatan manakala lebihan akaun dagangan menjadi lebih kecil. Dengan jangkaan kadar pertumbuhan import barangan mengatasi eksport, maka akaun dagangan dijangka mencatatkan lebihan yang kecil sebanyak RM5.9 bilion, manakala defisit akaun perkhidmatan dijangka meningkat kepada RM17.7 bilion. Walau bagaimanapun, imbangan pembayaran secara keseluruhan dijangka terus mencatatkan lebihan pada tahun 1994, hasil dari aliran masuk modal jangka panjang yang terus kukuh. Modal jangka pendek swasta (termasuk ralat dan ketinggalan) dijangka mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM4 bilion, berikutan pengecilan perbezaan kadar faedah dan peluang arbitraj kadar faedah yang berkurangan. Walau bagaimanapun, aliran keluar bersih modal jangka pendek ini diimbangi oleh aliran masuk modal jangka panjang yang besar sebanyak RM20.9 bilion. Namun demikian, berikutan defisit akaun semasa yang lebih besar, kedudukan keseluruhan imbangan pembayaran

dijangka mencatatkan lebih yang lebih kecil pada tahun 1994, sebanyak RM5.3 bilion (1993: RM29.2 bilion). Justeru itu, rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia (BNM) dianggarkan meningkat kepada RM81.7 bilion pada akhir tahun 1994, cukup untuk membiayai 6.7 bulan import tertangguh.

Kedudukan Kewangan Sektor Awam


Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat belanjawan berimbang berikutan pertumbuhan hasil yang menggalakkan dari prestasi ekonomi yang terus kukuh. Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 9.6% kepada RM45,692 juta berbanding dengan kenaikan sebanyak 6.2% pada tahun 1993. Sebaliknya, perbelanjaan mengurus dijangka meningkat sebanyak 4.8% (1993: 0.4%) kepada RM33,753 juta. Dengan kadar pertumbuhan hasil mengatasi pertumbuhan perbelanjaan mengurus, akaun semasa dijangka mencatat lebihan yang besar, iaitu sebanyak RM11,939 juta pada tahun 1994 berbanding dengan RM9,474 juta pada tahun 1993. Ini adalah berikutan langkah Kerajaan yang mengamalkan perbelanjaan berhemat dan mengawal perbelanjaan dalam keadaan prestasi hasil yang baik. Perbelanjaan pembangunan kasar dijangka meningkat sebanyak 23.5% kepada RM12,502 juta pada tahun 1994 (1993: 4.5%). Oleh itu, selepas mengambil kira terimaan balik pinjaman daripada agensi-agensi Kerajaan dan kerajaan-kerajaan negeri, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat lebihan keseluruhan sebanyak RM637 juta, bersamaan 0.4% daripada KNK, setelah mencatat lebihan sebanyak RM354 juta (0.2% daripada KNK) bagi pertama kalinya pada tahun 1993.

Kedudukan Sumber Negara

Berikutan dari pendapatan negara yang meningkat sebanyak 11.5% pada tahun 1994 (1993: 10.7%) dan jumlah perbelanjaan penggunaan meningkat dengan kadar yang lebih pesat sebanyak 11.9% kepada 67.7% daripada KNK (1993: 67.5% daripada KNK), tabungan negara kasar dijangka meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 10.3% kepada 32.4% daripada KNK (1993: 32.7% daripada KNK). Oleh itu, kedudukan sumber negara dijangka

mencatatkan jurang tabungan-pelaburan yang lebih besar sebanyak 6.8% daripada KNK (1993: 4.1% daripada KNK), dengan pembentukan modal kasar dijangka meningkat pada kadar yang lebih pesat sebanyak 18.5% (1993: 15.4%). Jurang sumber seperti yang dicerminkan dalam akaun semasa imbalan pembayaran dijangka akan dibiayai sebahagian besarnya oleh aliran masuk modal asing swasta.

Tabungan swasta dijangka meningkat pada kadar yang lebih rendah iaitu sebanyak 4.9% kepada 19.2% daripada KNK pada tahun 1994 (1993: 20.4% daripada KNK) oleh kerana penggunaan rumah tangga dan korporat dijangka meningkat lagi. Dengan pelaburan swasta dijangka meningkat sebanyak 14.5% pada tahun 1994 dan merupakan 25.6% daripada KNK, kedudukan sumber sektor swasta dijangka terus mengalami defisit sebanyak 6.4% daripada KNK pada tahun 1994 (1993: 4.5% daripada KNK).



Selepas dua tahun berturut-turut mencatatkan lebih sumber, kedudukan sumber sektor awam dijangka mencatatkan jurang tabungan-pelaburan sebanyak 0.4% daripada KNK pada tahun 1994, (1993: lebih sebanyak 0.4% daripada KNK). Ini adalah disebabkan oleh perkembangan pembentukan modal sektor awam yang pesat dan berterusan (26.7%) dan pertumbuhan tabungan awam yang lebih perlahan (19.3%).

Kecairan dan Kadar Faedah

Teras utama dasar kewangan dalam tahun 1994 ialah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan pada masa yang sama mengekalkan kestabilan harga. Aliran masuk dana yang berterusan dari luar negeri, khususnya modal jangka pendek, telah memberikan cabaran dalam pengurusan kewangan terutamanya dalam tempoh separuh pertama tahun 1994. Pengawasan ke atas aliran masuk dana ini dan juga kecairan berlebihan adalah penting untuk membendung pertambahan bekalan wang supaya kenaikan harga dalam ekonomi dapat dikawal. Oleh yang demikian, dasar kewangan yang ketat telah diteruskan untuk memastikan kestabilan kewangan dan harga.

Beberapa langkah telah diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk mengurangkan kecairan dalam ekonomi. Bagi membendung aliran masuk dana jangka pendek, asas tanggungan yang layak bagi institusi perbankan telah ditakrifkan semula bagi mengambil kira semua aliran masuk dana asing dan had bumbung telah dikenakan ke atas kedudukan tanggungan luar bersih bank-bank. Di samping itu, bank-bank juga dikehendaki menempatkan dana ringgit dalam akaun vostro tanpa faedah yang dimiliki oleh institusi kewangan asing di Bank Negara Malaysia dan semua pemastautin dilarang daripada menjual instrumen kewangan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang kurang dari satu tahun kepada bukan pemastautin. Akibat dari langkah-langkah ini, agregat kewangan yang lebih luas, M3, bertambah dengan kadar lebih sederhana sebanyak 20.1% pada akhir bulan Julai 1994, daripada 29% pada akhir bulan Mac 1994. Dengan demikian, sebahagian daripada langkah-langkah ini telah ditarik balik sejak bulan Mei 1994. Pada 12 Ogos 1994, Bank Negara Malaysia telah menarik balik sekatan ke atas pembelian instrumen kewangan jangka pendek oleh orang asing.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 1994, kadar faedah antara bank menunjukkan aliran yang berkurangan disebabkan oleh kecairan berlebihan yang terdapat dalam sistem perbankan. Kadar purata wajaran antara bank harian untuk wang 3 bulan berkurangan daripada 6.5% setahun pada akhir tahun 1993 kepada 4.5% setahun pada akhir bulan Julai 1994. Mod kadar faedah deposit tetap 3 bulan yang ditawarkan oleh bank perdagangan berkurangan daripada 6.4% setahun pada akhir tahun 1993 kepada 4.3% setahun pada akhir bulan Julai 1994. Mod kadar faedah deposit tetap 3 bulan bagi syarikat kewangan juga menurun daripada 6.5% setahun pada akhir tahun 1993 kepada 4.5% setahun pada akhir bulan Julai 1994. Selaras dengan kos dana yang lebih rendah, mod kadar pemberian pinjaman asas berkurangan daripada 8.5% dan 10.5% setahun kepada 7.4% dan 8.75% setahun dalam tempoh yang sama. Pada tempoh separuh pertama tahun 1994, kadar faedah di Malaysia yang telah berkurangan serta kadar faedah antarabangsa yang pada umumnya telah meningkat, telah mengurangkan jurang perbezaan kadar faedah tersebut.

Harga Pengguna

Pertumbuhan permintaan dalam negeri yang terus kukuh menyebabkan harga barang-barang pengguna terus meningkat, terutamanya pada awal tahun 1994. Kadar peningkatan IHP memuncak pada bulan Februari sebanyak 5% dan kekal tinggi sebanyak 4.4% pada bulan Mac 1994, selepas mencatatkan peningkatan purata sebanyak 3.6% pada tahun 1993. Kadar peningkatan IHP yang lebih tinggi dalam bulan Februari dan Mac 1994 adalah disebabkan oleh musim dua perayaan utama dalam tempoh ini. Kadar peningkatan IHP, walau bagaimanapun, adalah lebih rendah pada bulan-bulan berikutan, dengan mencapai purata sebanyak 3.8% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994 (Januari-Ogos 1993: 3.8%). Peningkatan yang paling ketara dalam tempoh tersebut ialah harga makanan yang melonjak sebanyak 5.6% daripada 1.8% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Namun demikian, peningkatan IHP bagi barang-barang bukan makanan meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 2.9% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1994 daripada 4.8% dalam tempoh yang sama tahun 1993. Kadar peningkatan IHP yang lebih sederhana dari sebulan ke sebulan kepada 3.3% dalam bulan Ogos, sebahagiannya menunjukkan kesan positif langkah-langkah antiinflasi yang telah diambil oleh Kerajaan.

Gabungan dasar kewangan yang ketat dan fiskal berhemat di samping langkah-langkah pentadbiran, seperti penandaan harga wajib dan pemeriksaan harga bertujuan untuk memastikan pemansuhan dan penurunan duti import ke atas lebih daripada 1,100 jenis barang-barang semenjak tahun 1993, telah diambil. Sebagai tambahan kepada langkah-langkah ini, satu kempen antiinflasi telah dilancarkan pada bulan Mei 1994, dengan tujuan mendidik orang ramai dan mewujudkan kesedaran pengguna mengenai bahaya kesan inflasi. Memandangkan permintaan yang masih kukuh, terutamanya pada awal tahun, kadar inflasi pada tahun 1994 dijangka meningkat sederhana sebanyak 3.8%.

Guna Tenaga

Dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, jumlah pekerjaan yang diwujudkan dijangka berkembang sebanyak 3% pada tahun 1994. Dengan jangkaan kemasukan pekerja baru dalam pasaran tenaga buruh bertambah sebanyak 2.9% sahaja, kadar pengangguran dijangka akan terus berkurangan kepada 2.9% (1993:3%). Dengan kadar pengangguran ini, ekonomi berada pada tahap guna tenaga penuh. Pasaran buruh yang ketat telah menyebabkan tekanan atas upah yang menyebabkan peningkatan upah melebihi peningkatan produktiviti buruh. Dalam tujuh bulan pertama tahun 1994, beberapa pertumbuhan perkilangan yang telah disoal selidik mencatatkan purata kenaikan upah sebanyak 6.7%, manakala peningkatan produktiviti buruh untuk pertumbuhan-pertumbuhan berkenaan adalah 2.2% sahaja. Ini telah menyebabkan kos buruh seunit pengeluaran meningkat sebanyak 4.4% pada tempoh tersebut.

Prospek bagi tahun 1995

Ekonomi Malaysia diramalkan akan terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada tahun 1995. Ini didorong sebahagiannya oleh pemulihan ekonomi yang lebih menyeluruh di negara-negara perindustrian dan pertumbuhan yang terus tinggi di negara-negara sedang membangun, khususnya di Asia Timur. Selaras dengan pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian yang diramal sebanyak 2.7% dan pertumbuhan negara-negara sedang membangun sebanyak 5.7%, ekonomi Malaysia, dengan asas-asas ekonomi yang kukuh, dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan keluaran antarabangsa yang lebih tinggi dan

seterusnya kesan pengembangan ke atas perdagangan dunia. Pertumbuhan perdagangan dunia diramalkan di antara 6% hingga 7% dalam tempoh 1994-95. Keadaan ini dan kejayaan rundingan Pusingan Uruguay diramal memberi kesan baik kepada sektor luar Malaysia, memandangkan negara-negara dagangan dijangka bergerak dengan cergas ke arah dasar perdagangan yang lebih berorientasikan pandangan terbuka selaras dengan komitmen Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT).

KDNK benar Malaysia dijangka terus mampan, iaitu sebanyak 8.5% pada tahun 1995, selaras dengan dorongan kuat sektor luar negeri serta permintaan dalam negeri yang terus kukuh. KNK dalam nilai harga semasa diramal berkembang sebanyak 11.6% dengan pertumbuhan per kapita KNK meningkat sebanyak 9% kepada RM9,649 pada tahun 1995, bersamaan dengan AS\$3,711 (RM2.60 bagi setiap US\$1).

Prestasi Mengikut Sektor

Pertumbuhan keluaran pada tahun 1995 dijangka didorong oleh pertumbuhan yang kukuh di sektor-sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. **Sektor perkilangan** dijangka terus menerajui pertumbuhan sektor-sektor lain dalam ekonomi dengan menyumbang 46.1% daripada pertumbuhan KDNK. Keluaran dalam sektor perkilangan dijangka berkembang sebanyak 12.5%, didorong oleh permintaan dalam dan luar negeri yang lebih kukuh. Industri-industri yang dijangka menyumbang dengan ketara kepada pengembangan ini termasuklah industri yang mengeluarkan logam yang direka, kimia dan keluaran kimia serta keluaran elektrik dan elektronik.

Pada tahun 1995, **keluaran pertanian** dijangka pulih semula dengan pertumbuhan sebanyak 2.3% berbanding dengan 0.5% yang dianggarkan pada tahun 1994. Pertumbuhan keluaran dijangka berpunca terutamanya daripada pemulihan pengeluaran minyak sawit sebanyak 2.8% disebabkan penghasilan yang lebih tinggi dan pertambahan kawasan yang berhasil. Keluaran kayu balak dijangka merosot sebanyak 3.8%, berikutan usaha-usaha lebih teliti yang bertujuan menentukan eksploitasi sumber-sumber hutan yang berkekalan. Sementara itu, keluaran getah diramalkan merosot sebanyak 3.5% disebabkan

kekurangan buruh serta penukaran tanaman getah kepada kegunaan-kegunaan lain. Walau bagaimanapun, keluaran sektor kecil ternakan dijangka meningkat sebanyak 9% ekoran pertambahan permintaan.

Keluaran **sektor perlombongan** diramal bertambah baik sedikit, iaitu sebanyak 2% pada tahun 1995. Pengeluaran petroleum mentah diramal berkurangan sebanyak 0.5% dan pengeluaran tin pula berkurangan 18.5%, manakala pengeluaran gas dijangka berkembang sebanyak 22% selaras dengan objektif tenaga kebangsaan untuk pelbagaian, iaitu kepada bahan api bukan minyak. Pengeluaran petroleum mentah diramal berkurangan kepada 650,000 tong sehari, manakala pengeluaran gas dijangka meningkat kepada 2,930 juta kaki padu sehari (mscf/d).

Sektor pembinaan diramal terus mengalami pertumbuhan yang kukuh sebanyak 12.7% pada tahun 1995. Kekukuhan pertumbuhan ini adalah didorong oleh pelaksanaan beberapa projek infrastruktur yang besar serta pembinaan rumah kediaman, bangunan perniagaan dan perindustrian.

Sektor perkhidmatan dijangka terus mengatasi pertumbuhan purata KDNK ekonomi Malaysia dengan ramalan pertumbuhan sebanyak 9%. Sektor ini dijangka akan menyumbang 46.8% kepada pertumbuhan KDNK pada tahun 1995. Penyumbang utama kepada pertumbuhan ini berpunca daripada sektor-sektor kecil perdagangan borong dan runcit, pelancongan dan perkhidmatan kewangan serta utiliti, berikutan kekukuhan prestasi sektor-sektor ekonomi utama yang lain dan peralihan yang sedang berlaku ke arah peningkatan dan pembaikan kualiti perkhidmatan.

Permintaan Dalam Negeri

Dari segi permintaan, pertumbuhan permintaan agregat dalam negeri (tidak termasuk perubahan stok) dijangka terus kukuh pada kadar 11.3% pada tahun 1995, dengan perbelanjaan awam meningkat sebanyak 8% dan perbelanjaan swasta sebanyak 12.4%. Pendorong utama kepada pertumbuhan permintaan ini dijangka berpunca dari pelaburan awam yang diramalkan meningkat sebanyak 13.7% dan pelaburan swasta sebanyak 13.4%. Pembentukan modal yang lebih besar adalah didukung sebahagian besarnya oleh pelaksanaan beberapa projek infrastruktur yang besar dan pertambahan pelaburan yang mampan dalam sektor perkilangan.

Perbelanjaan **pelaburan swasta** diramalkan terus berkembang sebanyak 13.4% pada tahun 1995. Jangkaan kepesatan aktiviti-aktiviti ekonomi, peningkatan keyakinan perniagaan dan pelaburan yang diluluskan yang lebih tinggi untuk sektor perkilangan pada tahun 1994, yang akan dilaksanakan secara berperingkat sepanjang tahun 1995, adalah faktor-faktor yang dijangka mendorong pelaburan swasta pada tahun 1995. Pengembangan pelaburan oleh sektor bukan minyak dijangka meningkat dengan pesat sebanyak 18% pada tahun 1995. Sebaliknya, pelaburan dalam sektor minyak dan gas diramalkan berkurangan sebanyak 9.6% selepas mencatatkan pertumbuhan yang pesat dalam tempoh dua tahun sebelumnya. Kemerosotan ini disebabkan perbelanjaan modal bagi aktiviti huluan dijangka meningkat perlahan, memandangkan kebanyakan kontraktor perkongsian pengeluaran atau syarikat-syarikat minyak telahpun memenuhi tanggung jawab minimum kontrak mereka. Namun demikian, syarikat-syarikat minyak dijangka terus menambah perbelanjaan pelaburan mereka dalam aktiviti hiliran untuk meningkat dan memperbesarkan kemudahan-kemudahan penapisan dan rangkaian pengagihan mereka supaya dapat memperluaskan pasaran mereka.

Pertumbuhan perbelanjaan **penggunaan swasta** dijangka terus pesat pada tahun 1995, berikutan jangkaan kenaikan pendapatan boleh guna dan prospek guna tenaga yang lebih baik. Berikutan itu, penggunaan swasta dijangka meningkat sebanyak 12%.

Pelaburan awam dijangka terus meningkat pada tahun 1995 sebanyak 13.7%. Kenaikan yang ketara ini disebabkan oleh pertambahan yang dijangka dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan, memandangkan tahun 1995 adalah tahun terakhir untuk melaksanakan projek-projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Tumpuan utama perbelanjaan pelaburan terus diberikan kepada pembangunan infrastruktur dan sumber manusia serta penyelenggaraan perkhidmatan-perkhidmatan awam. PABK juga dijangka akan meneruskan program-program pembesaran mereka dan dengan demikian pelaburan oleh PABK dijangka terus tinggi. Seperti pada tahun-tahun lepas, pelaburan oleh PABK terus disalurkan ke sektor-sektor gas, tenaga, telekomunikasi dan pengangkutan.

Penggunaan awam dijangka meningkat sebanyak 2.6% pada tahun 1995. Kenaikan ini dijangka sebahagian besarnya berpunca daripada perbelanjaan ke atas pembekalan dan perkhidmatan untuk penyelenggaraan, kerja-kerja pembaikan dan pembekalan untuk meningkatkan jentera kerajaan. Sebahagian besar penggunaan awam dijangka diperuntukkan bagi emolumen, yang merupakan kira-kira 55% daripada jumlah perbelanjaan penggunaan awam pada tahun 1995. Perbelanjaan pertahanan dijangka terus tinggi memandangkan program-program memodenkan angkatan bersenjata masih berterusan pada tahun 1995.

Permintaan Luar Negeri

Bagi sektor luar negeri, prestasi eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor dijangka terus kekal pada tahun 1995, dengan kadar pertumbuhan 20.6%, berikutan jangkaan pertumbuhan perdagangan dunia yang menggalakkan, terutamanya disebabkan oleh prospek ekonomi negara-negara perindustrian yang lebih baik. Eksport barangan dijangka meningkat sebanyak 21.4%, dengan jangkaan pertambahan sebanyak 25% bagi eksport perkilangan. Sementara eksport komoditi pertanian utama dijangka berkurangan sebanyak 1.7%, eksport sektor perlombongan akan bertambah baik, meningkat 12.5%. Selaras dengan prestasi perdagangan yang sederhana, eksport perkhidmatan bukan faktor dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan, sebanyak 13.8%.

Import barangan dan perkhidmatan bukan faktor dijangka meningkat sebanyak 19.6% pada tahun 1995. Selaras dengan jangkaan permintaan dalam negeri yang terus berkembang, pertumbuhan import barangan akan kekal pada 20.6%. Walau bagaimanapun, import perkhidmatan bukan faktor dijangka meningkat pada kadar yang lebih sederhana, sebanyak 14.5%.

Imbangan Pembayaran

Dengan ramalan pertumbuhan import yang lebih sederhana berikutan pertumbuhan perbelanjaan sektor awam yang lebih perlahan, akaun dagangan dijangka bertambah baik dengan catatan lebihan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak RM8.3 bilion pada tahun 1995. Walau bagaimanapun, dengan defisit perkhidmatan diramalkan lebih tinggi sebanyak RM21 bilion, maka akaun semasa

imbangan pembayaran dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM12.4 bilion atau bersamaan 6.4% daripada KNK. Namun demikian, kedudukan keseluruhan imbalan pembayaran dijangka bertambah baik pada tahun 1995, memandangkan akaun modal jangka panjang diramalkan terus menggalakkan.

Kedudukan Kewangan Sektor Awam

Dasar fiskal pada tahun 1995 akan terus bertumpu kepada pengukuhan kewangan sektor awam dan pengurangan perbelanjaan penggunaan, iaitu selaras dengan dasar antiinflasi serta mengekalkan belanjawan berimbang. Pada masa yang sama, peruntukan bagi tujuan pelaburan akan memberi keutamaan untuk melegakan kesesakan infrastruktur, menggalakkan pembangunan sumber manusia serta sains dan teknologi.

Kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah kukuh pada tahun 1995 dengan bertambahnya hasil dan lebih bercermat dalam kawalan dan peruntukan perbelanjaan. Ini selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengekalkan belanjawan berimbang dengan mengamalkan dasar fiskal berhemat serta menggalakkan kecekapan dalam perbelanjaan oleh agensi-agensinya. Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat sebanyak 4.3% kepada RM47,641 juta, manakala perbelanjaan mengurus dijangka meningkat 1.9% kepada RM34,395 juta. Dengan itu, baki akaun semasa dijangka mencatatkan lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM13,246 juta. Memandangkan jangkaan lebihan akaun semasa melebihi ramalan perbelanjaan pembangunan bersih sebanyak RM12,703 juta, kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan lebihan bagi tahun ketiga berturut-turut pada tahun 1995.

Baki akaun semasa sektor awam yang disatukan dijangka menggalakkan pada tahun 1995 berikutan kutipan-kutipan hasil yang lebih baik dan perbelanjaan berhemat yang diteruskan. Hasil sektor Kerajaan dijangka meningkat sebanyak 2.5%, manakala perbelanjaan mengurus pula dijangka berkurangan sebanyak 2.2%. Berikutan itu, akaun semasa sektor Kerajaan yang disatukan dijangka mencatat lebihan yang lebih tinggi, iaitu sebanyak RM16,638 juta pada tahun 1995. Di samping itu, PABK-PABK yang utama dijangka terus mengekalkan lebihan mengurus yang tinggi pada tahun 1995, berikutan pertumbuhan ekonomi

yang terus kukuh dan penyusunan semula syarikat-syarikat pada tahun-tahun sebelum ini yang dijangka mengukuhkan lagi kedudukan kewangan mereka. Secara agregat, akaun semasa sektor awam yang disatukan dijangka mencatat lebihan yang lebih besar, iaitu sebanyak RM26,840 juta pada tahun 1995. Jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam pada tahun 1995 dijangka meningkat sebanyak 9.9% kepada RM30,372 juta, disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK yang merupakan kira-kira 81.5% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan sektor awam. Setelah mengambil kira perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi pada tahun 1995, defisit keseluruhan sektor awam yang disatukan dijangka sebanyak RM3,532 juta atau 1.8% daripada KNK.

Kedudukan Sumber Negara

Berikutan pendapatan negara dijangka berkembang dengan lebih pesat dari jumlah perbelanjaan penggunaan, tabungan negara dijangka meningkat dengan lebih pesat sebanyak 14.7% kepada 33.3% daripada KNK pada tahun 1995. Namun demikian, kenaikan tabungan negara yang kukuh tidak mencukupi untuk mengimbangi kenaikan sebanyak 13.2% dalam pembentukan modal kasar. Dengan pembentukan modal kasar dijangka menyumbang 39.7% daripada KNK, kedudukan sumber negara dijangka bertambah baik sedikit dengan mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak 6.4% daripada KNK. Sektor swasta dan awam dijangka mencatatkan jurang sumber pada tahun 1995. Jurang tabungan-pelaburan sektor swasta dijangka bertambah baik pada 5.4% daripada KNK, memandangkan tabungan swasta dijangka meningkat pada kadar yang lebih pesat (19%) berbanding dengan perbelanjaan pelaburan swasta (13.1%). Bagi sektor awam pula, memandangkan tabungan dijangka meningkat dengan kadar yang lebih perlahan (8.3%) berbanding dengan perbelanjaan pelaburan (13.4%), maka jurang sumber diramalkan bertambah besar sedikit kepada 1% daripada KNK.

Harga Pengguna

Prestasi ekonomi yang dijangka kukuh pada tahun 1995, diiringi oleh pertumbuhan pesat permintaan dalam negeri akan menambahkan lagi tekanan ke atas harga. Di samping itu, kekurangan

tenaga buruh yang berterusan juga akan memburukkan lagi tekanan-tekanan upah. Peka terhadap ancaman inflasi yang lebih tinggi ini, Kerajaan akan melipatgandakan usaha-usahanya untuk memerangi inflasi. Dasar kewangan yang ketat akan dikekalkan dan pada masa yang sama, Kerajaan akan meneruskan langkah-langkah fiskal berhemat. Sebagai tambahan, penguatkuasaan langkah-langkah pentadbiran akan terus ditekankan. Langkah-langkah akan terus digembeling bagi menangani kekangan penawaran serta mengatasi ketidaksempurnaan pasaran melalui usaha-usaha yang lebih giat seperti melonggarkan sekatan import serta memaksimumkan penggunaan sumber-sumber untuk pengeluaran makanan. Kempen untuk meningkatkan kesedaran orang awam tentang kesan buruk inflasi akan dipergiatkan lagi. Dengan langkah-langkah ini, Kerajaan berhasrat untuk terus mengurangkan kadar inflasi pada tahun 1995.

Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga diramal bertambah sebanyak 2.8% pada tahun 1995. Keadaan pasaran buruh yang ketat dijangka akan berterusan kerana peluang pekerjaan akan meningkat dengan kadar yang lebih pesat berbanding dengan pertumbuhan tenaga buruh sebanyak 2.7%. Sektor sekunder dan sektor perkhidmatan masih menjadi penyumbang utama kepada guna tenaga dalam ekonomi dengan menyumbang 80.6% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 1995 berbanding dengan 79.6% pada tahun 1994. Sumbangan sektor utama kepada jumlah guna tenaga dijangka akan merosot lagi kepada 19.4% pada tahun 1995 daripada 20.4% pada tahun 1994.

Memandangkan kekurangan guna tenaga buruh mahir dan tidak mahir dijangka menjadi halangan potensi kepada pertumbuhan, pihak swasta perlu mengambil langkah penyesuaian strategik untuk mengekalkan daya saing mereka. Sektor swasta, khususnya sektor perkilangan, perlu beralih kepada teknik pengeluaran yang mengutamakan penjimatan penggunaan tenaga buruh, meningkatkan asas teknologi, memperbaiki kualiti keluaran dan nilai ditambah serta mempergiatkan pembangunan sumber manusia. Dalam konteks ini, Kerajaan akan terus menggalakkan penubuhan sekolah-sekolah vokasional dan teknikal, mengkaji semula kurikulum institusi latihan perindustrian awam dan meluaskan skop Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia untuk meliputi sektor perkhidmatan.

Penutup

Ekonomi Malaysia dijangka akan terus mengalami pertumbuhan yang kukuh pada tahun 1995. Permintaan dalam negeri, khususnya pembentukan modal tetap, dan permintaan luar negeri dijangka mengekalkan kepesatan pertumbuhan pengeluaran. Sektor-sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan dijangka terus menjadi penyumbang utama kepada

pertumbuhan. Walau bagaimanapun, ketidakseimbangan akaun semasa luar negeri, khususnya akibat daripada peningkatan defisit dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran, kekurangan buruh dan tekanan inflasi disebabkan peningkatan permintaan dan kekangan bekalan merupakan isu-isu makroekonomi yang dijangka masih dihadapi pada tahun 1995. Isu-isu ini telah dan akan terus diberi penekanan dalam penggubalan dasar.